

Transformasi tingkatan enam melalui penjenamaan semula

MINDA PENDIDIK

Oleh Prof. Madya
Dr. Abdul Said Ambotang
& Wee Fwen Yep

16.10.2017 1c

SELEPAS mendapat keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), ke manakah hala tuju pendidikan pelajar? Mereka yang memperoleh keputusan cemerlang boleh memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Kolej Matrikulasi yang menawarkan kursus aliran sains, perakaunan dan teknikal.

Selain itu, mereka juga boleh memilih untuk mengikuti pengajian ke peringkat asasi di Universiti Awam (UA) dan diploma di politeknik mengikut bidang yang diminati serta terdapat pelajar lepasan SPM yang menyambung pengajian di luar negara.

Tambahan lagi, pelajar yang cemerlang turut berpotensi untuk memilih program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang ditawarkan di kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara.

Program ini dikhushuskan untuk melatih guru dalam pelbagai bidang dan melahirkan guru sekolah rendah yang berijazah. Bagi mereka yang kurang cemerlang pula, terdapat kecenderungan untuk melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Akhirnya, pelajar lepasan SPM menjadikan pengajian tingkatan enam sebagai pilihan terakhir.

Bilangan pelajar lepasan SPM yang berdaftar di tingkatan enam mencatat

nurunan yang ketara pada pertengahan dekad 1990-an setelah munculnya beberapa buah institusi pendidikan tinggi swasta ditubuhkan yang dapat menyaingi pengajian tingkatan enam.

Tambahan pula, mereka sanggup menolak tawaran tingkatan enam disebabkan perasaan fobia untuk menyambung pengajian tingkatan enam akibat daripada terpengaruh oleh tanggapan negatif masyarakat seperti peperiksaan baharu STPM dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum untuk mengisi tiga penggal atau penggal satu, penggal dua dan penggal tiga dalam tempoh pengajian selama satu tahun setengah.

Sepanjang pengajian, pelajar turut perlu melaksanakan penyelidikan. Selain itu, pelajar juga diberi lebih peluang untuk mengembangkan bakat kepimpinan dan kemahiran insaniah melalui pertambahan peranan dan pilihan aktiviti sukan, kokurikulum, dan khidmat komuniti sepanjang pengajian di tingkatan enam.

Selain itu kelebihan tingkatan enam ini pula, STPM diiktiraf oleh Cambridge Assessment, England dan setaraf A level. Oleh itu, sijil STPM diiktiraf di peringkat antarabangsa dan diterima masuk ke universiti dalam negara dan luar negara.

Perkara itu dijelaskan oleh Ketua Eksekutif MPM Haji Mohd Fauzi Datuk Haji Mohd Kassim, melalui program 'Ketua Eksekutif Dekat di Hati Sabah' yang diadakan di Pusat Tingkatan 6 SMK Elopura, Sandakan pada tahun 2008.

Langkah penjenamaan semula tingkatan enam merupakan salah satu strategi untuk menaikkan taraf tingkatan

enam agar selaras dengan statusnya sebagai pendidikan prauniversiti yang berperanan melengkapkan diri pelajar yang bakal menuntut ilmu dalam persekitaran universiti.

Dalam penjenamaan semula tingkatan enam, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) pada tahun 2012 telah menerbitkan surat pemberitahuan MPM/I(AM)/2012 menyatakan sistem pentaksiran baharu STPM dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum untuk mengisi tiga penggal atau penggal satu, penggal dua dan penggal tiga dalam tempoh pengajian selama satu tahun setengah.

Sepanjang pengajian, pelajar turut perlu melaksanakan penyelidikan. Selain itu, pelajar juga diberi lebih peluang untuk mengembangkan bakat kepimpinan dan kemahiran insaniah melalui pertambahan peranan dan pilihan aktiviti sukan, kokurikulum, dan khidmat komuniti sepanjang pengajian di tingkatan enam.

Selain itu kelebihan tingkatan enam ini pula, STPM diiktiraf oleh Cambridge Assessment, England dan setaraf A level. Oleh itu, sijil STPM diiktiraf di peringkat antarabangsa dan diterima masuk ke universiti dalam negara dan luar negara.

Perkara itu dijelaskan oleh Ketua Eksekutif MPM Haji Mohd Fauzi Datuk Haji Mohd Kassim, melalui program 'Ketua Eksekutif Dekat di Hati Sabah' yang diadakan di Pusat Tingkatan 6 SMK Elopura, Sandakan pada tahun 2008.

Langkah penjenamaan semula tingkatan enam merupakan salah satu strategi untuk menaikkan taraf tingkatan

enam agar selaras dengan statusnya sebagai pendidikan prauniversiti yang berperanan melengkapkan diri pelajar yang bakal menuntut ilmu dalam persekitaran universiti.

Di samping itu, sijil ini turut diiktiraf oleh JPA untuk perjawatan di sektor awam dan diterima oleh sektor swasta dalam pekerjaan. Tambahan pula, pelajar juga lebih berpeluang mengikuti kursus perguruan di universiti awam disebabkan kesesuaian mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan enam.

Seperkara lagi, pelajar yang mendapat keputusan STPM yang cemerlang lebih mudah untuk ditawarkan biasiswa pengajian di universiti tempatan dan luar negara. Oleh itu, pelajar lulusan STPM ini memiliki peluang lebih luas melanjutkan pengajian di universiti tempatan dan luar negara. Maka, mereka boleh terus memasuki universiti dan mendapat segulung ijazah selepas tamat pengajian.

Pelajar yang kurang berkemampuan pula pemilihan laluan tingkatan enam merupakan pilihan yang tepat kerana yuran peperiksaan percuma, tiada yuran pengajian, Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) untuk pelajar tingkatan enam turut ditawarkan kepada pelajar yang berkelayakan.

Tambahan pula, pelajar juga dapat menikmati bantuan kewangan menerusi Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) oleh kerajaan. Hal ini jelas menunjukkan perbelanjaan untuk menyambung pengajian di tingkatan enam ini sangat rendah malah pelajar yang tidak berkemampuan dan berkelayakan

boleh memohon pembiayaan daripada kerajaan.

Memandangkan sistem modular diperkenalkan dalam tingkatan enam, peperiksaan dijalankan mengikut semester. Pelajar akan menduduki peperiksaan pada setiap akhir pengajian semester. Maka, pembelajaran di Semester 1 tidak dibawa ke Semester 2 dan Semester 3. Keputusan sepenuhnya dikira daripada ketiga-tiga semester berkenaan yang turut dibantu dengan markah kerja kursus pelajar.

Oleh sebab itu, pelajar yang gagal atau ingin membaike keputusan peperiksaan Semester 1 atau 2 boleh mengambil semula kertas peperiksaan tersebut di Semester 3.

Justeru, pelajar berpeluang mendapat keputusan cemerlang berdasarkan sistem modular ini seterusnya mencerahkan peluang mereka melanjutkan pengajian di universiti dalam bidang yang diingini.

Antara perkara yang menarik serta memberikan kelebihan kepada pelajar yang memasuki tingkatan enam adalah aspek pakaian. Pelajar tidak perlu lagi berpakaian seragam sekolah. Mereka boleh mengenakan pakaian kasual yang rasmi dan sopan atau tradisional semasa menghadiri kelas.

Justeru, etika pakaian pelajar tingkatan enam diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi mesyuarat jawatankuasa perancangan pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia ke-203. Maka, etika pemakaian itu sejajar dengan sistem pen-

didikan prauniversiti yang dapat membezakan mereka dengan pelajar aliran perdana serta dapat mewujudkan persekitaran pranuniversiti di sekolah.

Selain itu, pelajar tingkatan enam berpeluang mendapat bimbingan dan dorongan daripada guru sebagaimana mereka berada dalam peringkat menengah dulu. Mereka tidak dibiarkan menghadapi cabaran mengikuti pelajaran berasorangan, sebaliknya mendapat perhatian daripada guru yang berpengalaman untuk berjaya dalam pelajaran.

Pelajar akan dibantu melalui pelbagai program yang dirangka oleh pihak sekolah dan inisiatif guru untuk menjana keberhasilan pelajar dalam peperiksaan STPM.

Contohnya, dalam program mentor mentee, hubungan mesra guru sebagai mentor dengan pelajarnya yang terdiri daripada seorang atau beberapa orang pelajar sebagai mentee dapat dibina supaya pelajar selesa untuk berkongsi masalah pembelajaran dengan guru.

Tambahan pula, program berkenaan dapat memberikan manfaat kepada pelajar melalui bimbingan dan dorongan daripada mentor kepada mentee agar mempunyai keazaman dan keyakinan untuk menghadapi peperiksaan STPM.

Selain pelajaran, pelajar juga dibimbing dari aspek kokurikulum bagi melahirkan pelajar yang memiliki ciri-ciri kepimpinan dan keterampilan melalui bimbingan guru dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang sesuai dengan tahap

kematangan pelajar.

Oleh yang demikian, transformasi tingkatan enam melalui penjenamaan semula tingkatan enam yang merupakan inisiatif KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mampu melonjakkan pengajian tingkatan enam menjadi pilihan utama pelajar lepasan SPM melalui pemerksaan pendidikan tingkatan enam setaraf dengan pendidikan lepasan menengah yang lain seperti peribahasa Melayu menyatakan 'duduk sama rendah, berdiri sama tinggi' dengan Kolej Matrikulasi atau Pusat Asasi Sains.

Transformasi ini mampu mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap pendidikan tingkatan enam yang mampu menghasilkan kemenjadian pelajar dalam akademik dan memupuk nilai kepimpinan yang tinggi dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Tidak dinafikan, pemerksaan tingkatan enam ini mempunyai cabarannya yang tersendiri, bak kata pepatah 'hendak seribu daya tak hendak seribu dalih'.

Oleh itu, usaha pemerksaan itu dapat dilihat apabila semua pihak seperti KPM, JPN, PPD, pentadbir sekolah, guru, dan ibu bapa sedang menggembangkan tenaga dan berganding bahu bagi menjayakan transformasi tingkatan enam melalui penjenamaan semula tingkatan enam untuk menjana keberhasilan pelajar.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pasca-sasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah